

# **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Berkuatkuasa pada: 22 Mac 2024

Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dan anak-anak syarikatnya (selepas ini dirujuk sebagai "KSSB" atau "kami") komited untuk melindungi data peribadi yang berada dalam kawalan serta simpanan kami.

Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") ini menerangkan amalan yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi dan menetapkan prinsip yang akan digunakan untuk melindungi pemprosesan data peribadi kontraktor, vendor/pembekal, rakan niaga, pelanggan, kakitangan, pemohon pekerjaan dan individu lain (selepas ini akan disebut sebagai "anda") selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) ("Akta").

Bagi tujuan Notis ini, terma-terma "data peribadi", "data peribadi sensitif" dan "pemprosesan" hendaklah mempunyai maksud yang ditetapkan dalam Akta.

## **DATA PERIBADI YANG KAMI PROSES**

Kami mungkin mengumpulkan data peribadi berikut daripada anda:

- i. data peribadi untuk menentukan identiti dan latar belakang anda seperti nama penuh, nombor kad pengenalan atau paspot dan kewarganegaraan
- ii. data peribadi sensitif seperti agama, keturunan bangsa atau etnik, rekod kesihatan, rekod jenayah dan kemufusan
- iii. maklumat komunikasi seperti alamat surat menyurat, nombor telefon, nombor telefon bimbit dan alamat emel
- iv. rakaman imej anda melalui kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di mana-mana pejabat atau tapak operasi kami
- v. rakaman gambar anda ketika menghadiri mana-mana acara korporat kami
- vi. jawatan anda apabila memulakan hubungan perniagaan dengan kami
- vii. resume atau kurikulum vitae anda apabila memohon pekerjaan.

Untuk tujuan melayari laman sesawang secara am, walaupun tiada data peribadi yang terdedah kepada kami, beberapa maklumat teknikal dan statistik boleh kami dapat menerusi pembekal perkhidmatan internet kami seperti *cookies*, alamat *IP* anda, masa, tarikh dan tempoh anda melayari laman web.

## **SUMBER-SUMBER DATA PERIBADI**

Data peribadi anda dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk maklumat anda telah beri kepada kami dari masa ke semasa melalui apa-apa urus niaga, komunikasi atau interaksi dengan kami, termasuk apabila anda:

- i. melengkapkan apa-apa borang manual atau digital

- ii. berinteraksi dan berkomunikasi dengan kami dalam apa-apa cara termasuk telefon, surat, e-mel, laman sesawang, media sosial atau secara peribadi
- iii. memulakan hubungan perniagaan dengan kami
- iv. mengunjungi mana-mana pejabat atau tapak operasi kami
- v. menghadiri acara korporat kami
- vi. mengunjungi atau melayari laman-laman sesawang kami
- vii. memohon pekerjaan dengan kami
- viii. membuat aduan kepada atau tuntutan terhadap kami

Kami juga mengumpul data peribadi anda daripada:

- i. sumber tersedia secara umum seperti carian di pihak berkuasa atau agensi kerajaan;
- ii. sumber-sumber lain yang mendapat persetujuan anda untuk menzahirkan maklumat anda; atau
- iii. mana-mana sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang atau tidak dihadkan selainnya.

## **TUJUAN PEMPROSESAN DATA PERIBADI ANDA**

Data peribadi akan dikumpul, diproses dan digunakan oleh kami untuk tujuan berikut (secara kolektif dirujuk sebagai "Tujuan"):

- i. untuk berkomunikasi dengan anda;
- ii. untuk memberi produk dan/atau perkhidmatan kepada anda;
- iii. untuk menjawab pertanyaan atau aduan anda;
- iv. untuk melindungi atau menguatkuasakan hak-hak kami;
- v. untuk menjalankan usaha wajar menurut tatacara tadbir urus dalam kami;
- vi. untuk menerbit gambar foto atau rakaman video anda, yang diambil semasa penyertaan anda dalam mana-mana acara korporat, di laman sesawang atau media sosial kami, atau di premis kami;
- vii. untuk pertimbangan permohonan pekerjaan;
- viii. untuk menyiasat, membuat pembelaan terhadap tuntutan yang dibuat terhadap atau yang melibatkan KSSB dan/atau anak-anak syarikatnya;
- ix. bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran dalam, termasuk tujuan berkaitan dengan penyimpanan dan pengurusan data;
- x. untuk tujuan audit dan pengurusan risiko;
- xi. untuk keselamatan dan akses dalam KSSB;
- xii. untuk mematuhi keperluan perundangan dan kawalselia;
- xiii. untuk apa-apa tujuan yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan;
- xiv. bagi tujuan-tujuan lain yang diberi kuasa oleh anda atau bersampingan atau seiring dengan atau berlanjutan kepada maksud-maksud di atas.

## **PENZAHIRAN DATA PERIBADI**

Data peribadi anda akan dirahsiakan akan tetapi boleh diberikan atau dizahirkan kepada pihak ketiga berikut bagi Tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

- i. agensi penguatkuasaan, agensi kerajaan dan badan berkanun atau awam yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang;
- ii. orang-orang atau organisasi-organisasi yang meminta maklumat berdasarkan undang-undang atau perintah mahkamah;
- iii. syarikat atau organisasi yang bertindak sebagai ejen, kontraktor, pembekal perkhidmatan atau penasihat profesional kami;
- iv. mana-mana firma atau entiti profesional luaran yang memberi perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak anda seperti akauntan, juruaudit, perunding cukai dan peguambela dan peguamcara;
- v. rakan perniagaan kami dan pihak-pihak lain yang mempunyai tujuan yang berkaitan dengan tujuan pengumpulan dan penggunaan data peribadi anda;
- vi. pihak-pihak lain di mana anda telah memberi kebenaran secara nyata atau tersirat.

## **DATA PERIBADI YANG TIDAK DIBERI**

Pengumpulan data peribadi anda oleh kami mungkin bersifat mandatori atau sukarela bergantung pada Tujuan data peribadi anda dikumpulkan. Sekiranya anda gagal atau memilih untuk tidak memberikan data mandatori yang diperlukan, kami mungkin tidak dapat melaksanakan Tujuan yang mana anda memberikan kepada kami data peribadi anda.

## **PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Kami komited untuk memastikan bahawa data peribadi anda disimpan dengan selamat. Kami akan melaksanakan langkah-langkah pentadbiran dan keselamatan yang bersesuaian, tatacara dan polisi yang praktikal dan mengikut undang-undang yang terpakai, untuk mencegah sebarang pemprosesan data peribadi yang tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang, dan juga untuk mengelakkan kerugian secara tidak sengaja, kemusnahan atau kerosakan kepada data peribadi anda.

## **INTEGRITI DATA**

Kami berhasrat untuk menyimpan semua data peribadi dengan tepat, lengkap, tidak mengelirukan, terkini dan boleh dipercayai setakat mana yang boleh. Oleh itu, ketepatan data peribadi anda sebahagian besarnya bergantung pada maklumat yang anda berikan. Oleh itu, anda bertanggungjawab memastikan data peribadi yang dikemukakan adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemas kini dalam semua aspek.

## **TEMPOH PENYIMPANAN DATA PERIBADI**

Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk Tujuan pengumpulanapun, data peribadi yang berkaitan boleh disimpan untuk memenuhi sebarang keperluan undang-undang, pengawalseliaan, cukai dan/atau perakaunan atau untuk melindungi kepentingan KSSB.

Kami akan mengambil semua langkah wajar untuk memastikan bahawa semua data peribadi dimusnah atau dipadam secara kekal apabila tidak lagi diperlukan.

## **HAK UNTUK AKSES DAN MEMBETULKAN DATA PERIBADI**

Anda berhak untuk membuat sebarang pertanyaan, aduan, akses atau permintaan bagi pembetulan atau permintaan untuk KSSB mengehadkan pemprosesan data peribadi anda dengan menghubungi kami menggunakan butiran Hubungi Kami di bawah.

Kami berhak untuk mengenakan bayaran untuk akses data peribadi anda dalam jumlah yang dibenarkan di bawah undang-undang. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan data peribadi anda, kami mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan kepada data peribadi anda atas sebab-sebab yang dibenarkan di bawah undang-undang.

## **PERSETUJUAN ANDA**

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda dengan ini bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda mengikut Notis ini dan mana-mana undang-undang privasi dan perlindungan data yang berkaitan di Malaysia.

## **PERSETUJUAN PIHAK KETIGA**

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi berkaitan pihak ketiga (contohnya mengenai pasangan atau anak-anak anda, atau jika anda merupakan orang yang dilantik (daripada sebuah syarikat atau organisasi) untuk berurusan dengan kami, kami bergantung kepada anda untuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada pihak ketiga tersebut untuk membolehkan kami memproses data peribadi mereka berkenaan dengan Tujuan tersebut.

## **PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANDA KE LUAR MALAYSIA**

Kami mungkin perlu memindahkan data peribadi anda ke luar Malaysia jika mana-mana pembekal perkhidmatan kami atau rakan kongsi yang terlibat dalam membekalkan perkhidmatan kepada KSSB berada atau mempunyai kemudahan pemprosesan di negara-negara di luar Malaysia.

Anda dengan ini bersetuju dengan nyata untuk membolehkan kami memindahkan data peribadi anda di luar Malaysia untuk tujuan tersebut. Kami akan berusaha untuk memastikan bahawa langkah-langkah yang munasabah diambil untuk memastikan semua pihak ketiga di luar Malaysia tidak akan menggunakan data peribadi anda selain daripada untuk Tujuan di atas dan untuk melindungi kerahsiaan dan privasi data peribadi anda dengan secukupnya.

### **PERUBAHAN KEPADA NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Kami berhak untuk mengubah suai, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa selaras dengan pertukaran kepada amalan perlindungan data peribadi kami. Notis yang dikemaskini akan dipaparkan di laman sesawang kami dan anda boleh melayari laman sesawang kami dari masa ke semasa untuk memperolehi maklumat terbaru mengenai amalan perlindungan data peribadi kami.

### **HUBUNGI KAMI**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, masalah atau aduan berkaitan dengan Notis ini, atau jika anda ingin mengemaskini maklumat yang kami ada mengenai anda, atau anda ingin melaksanakan hak perlindungan data anda, sila hubungi kami di titik perhubungan berikut:

Jawatan : Ketua Jabatan Tadbir Urus dan Integriti  
No. Telefon : 03-5518 7735  
Alamat : Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., Aras LPH, Menara Bank Rakyat Shah Alam,  
              No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor  
e-mel : [syahru@semesta.com.my](mailto:syahru@semesta.com.my)

### **PENGGUNAAN BAHASA**

Notis ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.